DIMENSION BID
WIRELINE INTERVENTION | PERFORATION SERVICES

POLISI MEMANDU

Dimension Bid (M) Sdn Bhd menyedari amcaman kepada kesihatan hasil dari kemalangan yang boleh dielakkan semasa memandu atau penggunaan kereta milik syarikat. Tujuan polisi ini adalah untuk mempromosi budaya memandu dengan selamat dalam kalangan organisasi, memastikan semua pekerja **Dimension Bid (M) Sdn Bhd** yang memandu sebarang jenis kenderaan untuk berulang-alik ke tempat kerja masing-masing mesti sentiasa menunjukkan kemahiran memandu secara selamat dan cekap serta mempunyai tabiat keselamatan yang baik di jalan raya sepanjang masa. Semua pekerja, kontraktor dan pelawat di premis dan lokasi **Dimension Bid (M) Sdn Bhd** diwajibkan mematuhi polisi ini sepanjang masa memandu atau mengendali kenderaan milik syarikat atau yang kontrak, juga semasa memandu atau mengendali kenderaan peribadi, sama ada waktu bekerja atau semasa perjalanan rutin daripada rumah ke tempat kerja atau sebaliknya.

Tatakelakuan

Tatakelakuan **Dimension Bid (M) Sdn Bhd** menyatakan bahawa: "Semasa memandu kenderaan milik syarikat atau milik peribadi bagi tujuan bekerja, pekerja mesti mematuhi semua peraturan kebangsaan dan undang-undang trafik tempatan yang diamalkan". Tindakan berikut di dalam kenderaan milik syarikat adalah dianggap sebagai pelanggaran tatakelakuan yang serius dan boleh menyebabkan dibuang kerja:

- Memandu sambil meminum minuman beralkohol atau semasa di bawah pengaruh dadah atau mabuk.
- Memandu tanpa kelayakan atau dengan lesen yang tidak sah.
- Memandu secara cuai atau berbahaya sehingga boleh menyebabkan kematian atau kecederaan dan kegagalan untuk berhenti setelah pelanggaran.
- Menggunakan kenderaan syarikat untuk aktiviti yang diharamkan dan pemandu yang menunggu pendakwaan atau telah didakwa atas kesalahan trafik.

Tanggungjawab sebagai Pekerja

Setiap pekerja yang memandu kenderaan milik syarikat dan milik peribadi untuk berulang-alik setiap hari ke tempat kerja perlu:

- Pemandu mesti mempunyai lesen memandu yang sah untuk kelas kenderaan yang dipandu.
- Pemandu mesti berada dalam keadaan sihat dan berkemampuan fizikal untuk menjalankan tugasan memandu dengan baik
- Pemandu dan penumpang mesti memakai tali pinggang keledar sepanjang masa semasa kenderaan beroperasi.

- Pemandu mesti mematuhi had laju, tidak menggunakan telefon bimbit dan menghantar mesej pesanan ringkas semasa memandu.
- Memandu dalam keadaan mabuk atau di bawah pengaruh dadah atau bahan larangan lain adalah AMAT dilarang.
- Kenderaan peribadi yang digunakan untuk urusan kerja mesti berada dalam keadaan baik dan mempunyai perlindungan insurans yang sah.

Pelanggaran polisi

Polisi ini merangkumi semua pekerja yang menggunakan kenderaan milik syarikat untuk urusan rasmi dan adalah menjadi tanggungjawab seorang pekerja untuk mematuhi dengan sepenuhnya, mana-mana pekerja yang didapati melanggar sebarang peruntukan di dalam polisi ini boleh dikenakan tindakan disiplin, termasuk dibuang kerja.

.....

Dato' Aziz Ayob
Chief Executive Officer
Dimension Bid (M) Sdn Bhd.
1st April 2015